

01/03/1997

SRAM usaha tingkatkan kedudukan pemain kita

Lukman Salleh

PERSATUAN Raket Skuasy Malaysia (SRAM) akan mendedahkan lebih ramai pemainnya dalam pertandingan tahap tertinggi agar tergolong dalam kelompok 30 pemain terbaik dunia yang berpeluang memenangi pingat dalam Sukan Komanwel '98.

"Untuk mencapai tahap itu, pemain kita harus bekerja keras dalam latihan dan permainan. Mereka juga harus mempunyai kekuatan mental apabila berdepan pemain ternama.

"Memang benar kita menceapai kejayaan pada peringkat remaja dan apabila tiba di peringkat senior, agak kurang.

"Oleh itu kita perlu dedahkan mereka kepada lebih banyak perlawanan serta bertarung dengan pemain ternama dunia," kata Pengerusi Kewangan SRAM, Mokhzani Mahathir, selepas sidang akhbar mengumumkan kejohanan skuasy Elead Satellites 1997 di Wisma MOM, semalam.

Mokhzani yang baru terpilih sebagai Presiden Persekutuan Skuasy Asia berkata dua pemain negara yang diharapkan dapat menempatkan diri dalam kelompok terbaik itu ialah Kenneth Low dan Ong Beng Hee.

Kenneth kini mengisi kelompok 50 terbaik manakala Beng Hee pula dalam senarai 90 pemain terbaik Persatuan Skuasy Profesional (PSA).

Pada masa yang sama, SRAM juga akan menumpukan perhatian kepada pembangunan pemain remajanya yang tampak menjadi senjata utama dalam memberikan kejayaan besar kepada negara.

Kejohanan Head Satellites merangkumi tiga siri yang bermula hari ini hingga 15 Mae, menampilkan beberapa pemain terkemuka dunia, terutama dalam bahagian wanita, termasuk jaguh Australia, Liz Irving, sebagai pilihan pertama.

Dia akan berdepan pemain utama negara, Leong Siu Lynn, dalam pusingan awal.

"Agak kurang bernasib baik kerana undian menemukan Siu Lynn dengan Irving. Kita semua tahu kekuatan pemain Australia itu.

"Kita harapkan Siu Lynn dapat memberikan persembahan terbaiknya dan berhadapan dengan pemain terbaik dunia adalah satu pendedahan dan pengalaman berharga," kata Mokhzani.

Bagi acara lelaki, SRAM yakin pemain negara akan lebih cemerlang berdasarkan hakikat penyertaan terdiri daripada pemain di bawah kelombok 40 terbaik dunia.

Billy Haddrel dari Australia yang juga pemain ke-43 dunia, diletakkan sebagai pilihan utama dalam ketiga-tiga siri.

Di majlis yang sama semalam, Mokhzani menerima sumbangan RM100,000 daripada Head-Mulpha, penaja rasmi kejohanan.

(END)